



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING JAWATANKUASA PENILAIAN DAN PENGGUNAAN KOMPUTER (JPPK)

BILANGAN 3/2011

Semua Staf
KETUA JABATAN/ BAHAGIAN/ PUSAT/ UNIT
DEKAN FAKULTI / REKTOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Y Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Prof./ Tuan / Puan

**PERMOHONAN PEMBELIAN DAN SEWAAN PERALATAN ICT & APD KE
JAWATANKUASA TEKNIKAL ICT (JT ICT)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

1. Pekeliling Jawatankuasa Penilaian dan Penggunaan Komputer (JPPK) Bilangan 2/2011 bertarikh 1 Oktober 2011 mengenai perkara di atas adalah dirujuk.
2. Seperti mana kita sedia maklum bahawa JPPK telah menurunkan kuasa kepada Jawatankuasa Teknikal ICT (JT ICT). Terdapat 20 zon-zon JT ICT di seluruh sistem Universiti yang antara lain bertujuan membantu mempercepatkan proses perolehan peralatan ICT dan APD disetiap PTJ di Shah Alam dan kampus cawangan.
3. Permohonan bagi setiap satu jenis peralatan ICT atau pun APD yang jumlah pembeliannya bernilai kurang dari RM50,000.00 dalam satu tahun boleh terus dikemukakan kepada JT ICT masing-masing untuk kelulusan. Hanya peralatan yang bernilai lebih RM50,000.00 perlu dikemukakan kepada JPPK untuk kelulusan.
4. Sehubungan itu juga, semua kelulusan pembelian segala jenis *Tablets* (contoh: *iPad*, *Galaxy Tab*) hendaklah **ditangguhkan** sehingga mendapat ketetapan pihak Pengurusan Universiti. Pesanan Tempatan yang telah disediakan bagi tujuan pembelian *Tablet* perlu dibatalkan sehingga mendapat kelulusan bertulis daripada JPPK.
5. Bersama ini kami lampirkan senarai peralatan ICT dan APD yang dibenarkan diperolehi melalui ketetapan ini melalui Zon JT ICT.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

PROF SR IR DR HJ SUHAIMI ABD TALIB

Penolong Naib Canselor

Pembangunan, Pengurusan Fasiliti & ICT

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penilaian dan Penggunaan Komputer

Rujukan : 100-BP (PTA 6/7/3)
Tarikh : 21 DISEMBER 2011